

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UTM
Y.BHG. PROF. DATO' IR. DR. ZAINI BIN UJANG
DI MAJLIS KONVOKESYEN KE-42 SESI I
PADA 28 MAC, 2009
DI DEWAN SULTAN ISKANDAR,
UTM SKUDAI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،
وعلى آله وصحبه أجمعين.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Dan salam sejahtera

***Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,
Sembah Patik Mohon Diampun,***

Pada pagi yang penuh barakah ini, patik dan seluruh warga UTM dengan sepenuh hormat ta'zim dan tawadhuk merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultanah Zanariah binti Almarhum Tuanku Ahmad, Sultanah Johor, Canselor UTM berangkat mencemar duli ke Majlis Konvokesyen UTM ke-42 pada pagi ini.

Majlis turut menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Maha Mulia Sultanah Nora Ismail, dan Yang Amat Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Pro-Canselor Universiti Teknologi Malaysia dan keberangkatan Yang Amat Mulia Paduka Puteri Tunku Masera Zahira ibni Sultan Iskandar.

Ampun Tuanku,

Patik dengan sepenuh hormat ta'zim memohon limpah perkenan Dulia Yang Maha Mulia Baginda Tuanku mengizinkan patik berucap pada majlis pagi ini.

Yang Maha Mulia Sultanah Nora Ismail,

Yang Amat Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Pro-Canselor UTM,

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub, Pro-Canselor UTM dan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Anna Abdul Ranees,

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim bin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah UTM dan Yang Berbahagia Puan Sri Teh Zahariah Jahidin,

Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti dan isteri,

Yang Berbahagia Naib-naib Canselor dan Rektor Universiti-universiti, wakil-wakil dan tetamu-tetamu akademik serta isteri,

Yang Berhormat dan Yang Berbahagia Tan Sri, Puan Sri, Dato', Datin, ibu bapa, para graduan, para alumni, tetamu kehormat dari dalam dan luar negeri, mantan staf UTM serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik berucap sedikit di dalam Bahasa Inggeris.

Honourable Presidents,

Vice Presidents,

Representatives of University Presidents and Distinguished Guests,

Thank you for your presence at our 42nd Convocation Ceremony. It is an honour to have all of you here for our special event and we appreciate your participation at our Inaugural University Presidents Forum. As mentioned earlier during the Presidents Forum, Internationalization is one of our main agenda in our initiative to enhance cross-cultural exchange and academic collaboration in research and publication with universities around the world.

We hope that this will be the beginning of more meaningful collaboration and strategic alliances between us.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya mewakili seluruh warga kampus ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian pada pelbagai peringkat dalam pelbagai jurusan ilmu. Pada konvokesyen ini, seramai 43 graduan akan menerima ijazah doktor falsafah, 438 ijazah sarjana, 817 ijazah sarjana muda, 202 diploma lepas ijazah dan 173 graduan peringkat diploma. Sebelum itu, Prof. Mogens Henze dari Denmark Technical University akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan.

Majlis konvokesyen ini mempunyai sedikit kelainan dan keistimewaannya. Kali ini kita menggunakan 'budaya dan citra Johor' sebagai tema acara. Ini bertujuan untuk mempromosi nilai dan budaya bangsa khususnya di negeri Johor supaya terus subur dan dihayati. Universiti menyedari bahawa aspek budaya bangsa perlu diambil kira dalam apa sahaja kegiatan supaya tidak lupus dimamah modenisasi, tidak mati ditelan gelombang globalisasi.

Graduan sekalian,

Ilmu dan budaya ilmu sangat penting dan kritikal dalam proses pembangunan. Pendeta Za'aba misalnya pernah menegaskan bahawa ilmu pengetahuan adalah asas terpenting yang menyelamatkan manusia daripada belenggu kemunduran.

Justeru, pelajaran dan penghayatan ilmu perlu terus dimantapkan sepanjang hayat, walaupun sudah menamatkan pengajian formal. Sepanjang pengajian di UTM, para graduan menimba ilmu dan bersama-sama menghayati resam komuniti intelektual di persekitaran kampus antara yang terindah di negara ini, yang pastinya merangsang minda memperkaya jiwa. Pada hari ini, para graduan naik ke pentas menjunjung kasih menerima segulung ijazah dari Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, sebagai tanda kejayaan. Berbekalkan kelayakan tersebut, para graduan berpeluang menjadi pekerja ilmu dalam persekitaran K-ekonomi dan globalisasi. Kita sedar bahawa realiti krisis ekonomi dunia semakin suram yang sedikit sebanyak mungkin menjejaskan peluang kerjaya para graduan.

Tetapi hakikatnya, biar apapun realiti dan suasana ekonomi, resipi kejayaan adalah sama: Untuk cemerlang dalam apa sahaja bidang, para graduan bukan sahaja perlu meningkatkan komitmen, kemahiran dan kecekapan malah perlu terus menimba ilmu sama ada menerusi kaedah pengajian formal, bukan formal atau tidak formal. Apapun tahap pengajian kita, sebenarnya masih melaut luas samudera ilmu yang masih belum kita terokai. Dalam hal ini, UTM menyediakan pelbagai kemudahan untuk membolehkan para graduan melanjutkan pengajian pada peringkat lebih tinggi, sama ada Sarjana, PhD dan pasca kedoktoran. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengingatkan para graduan supaya menghargai jasa kedua ibubapa yang telah mendidik dan membesarkan anda. Jasa mereka tidak mungkin dapat kita balas apatah lagi dengan warna-warni wang ringgit.

Saya juga ingin berpesan kepada para graduan bahawa resam orang berilmu "mengikut resmi padi, semakin tunduk semakin berisi". Kita tidak boleh terpesona dan bermegah jauh sekali mendabik dada memperaga sijil kononnya sebagai tanda ilmu penuh di dada. Hal ini diperingatkan oleh Raja Ali Haji, iaitu tokoh Melayu Johor-Riau yang tersohor pada abad ke-19 M, seperti berikut:

Jika hendak mengenal orang berbangsa,
lihat kepada budi dan bahasa,
Jika hendak mengenal orang yang berbahagia,
sangat memelihara yang sia-sia.
Jika hendak mengenal orang mulia,
lihatlah kepada kelakuan dia.
Jika hendak mengenal orang yang berilmu,
bertanya dan belajar tiadalah jemu.

Jika hendak mengenal orang yang berakal,
di dalam dunia mengambil bekal.
Jika hendak mengenal orang yang baik perangai,
lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

UTM bermula sebagai Sekolah Teknik pada 1904 di Kuala Lumpur, menjadi Maktab Teknik selepas Perang Dunia Kedua dan mendapat status universiti pada 1975. Sehingga konvokesyen ini, jumlah graduan UTM - dari 1977-2009 sahaja - sudah menjangkau 125,340 orang. Sesungguhnya penubuhan UTM bukan sekadar penubuhan IPT biasa, tetapi sarat dengan perjuangan untuk memartabatkan warga Malaysia setaraf dengan negara maju, khusus dalam sains dan teknologi.

Untuk berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan universiti ternama dunia maka UTM melancarkan Pelan Transformasi pada awal 2009, selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dilancarkan pada Ogos 2007 oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Saya bagi pihak UTM mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri kerana wawasan dan komitmen memajukan pengajian tinggi di negara ini.

Transformasi dalam konteks UTM bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan meletakkan kualiti serta citra UTM pada persada antarabangsa. Teras kecemerlangan sesebuah universiti ialah budaya ilmu dan ekosistem intelektualnya. Sepanjang tahun ini, UTM juga akan mempergiatkan lagi program pengantarabangsaan menerusi:

1. Jaringan kerjasama dengan universiti ternama luar negara
2. Menambah pengambilan pelajar antarabangsa sehingga ke tahap 5000 orang (angka semasa melebihi 2,200 orang)
3. Memudahkan program pertukaran pelajar antarabangsa menerusi pemindahan kredit
4. Merangka program untuk staf UTM menjalankan penyelidikan peringkat pasca kedoktoran di universiti ternama

5. Menambah bilangan staf akademik dari luar negara bagi meningkatkan jumlah staf berkelayakan PhD ke tahap 60 peratus pada akhir tahun ini. Ketika ini staf antarabangsa UTM bukan sahaja di kalangan warga negara ASEAN, India, Pakistan dan Bangladesh, malah turut melibatkan warga Perancis, Amerika Syarikat, Kanada, Jerman, Britain, Itali, Australia, Turkey, Algeria, Yemen, Sudan, Mesir, Iraq, Afghanistan, Jepun dan Korea Selatan.

Sehubungan itu, UTM telah menganjurkan *University Presidents Forum for Research and Academic Programs* pada 26-27 Mac lalu yang dihadiri 21 pemimpin akademik dan sarjana tersohor dari luar negara. Forum ini bertujuan untuk merangka program kerjasama akademik lebih akrab dan lestari antara UTM dengan universiti ternama. Sesungguhnya, program ini penting untuk memantapkan kualiti akademik serta pengiktirafan dan penarafan antarabangsa.

Salah satu komponen utama transformasi UTM ialah penekanan kepada penyelidikan dan pengajian ijazah lanjutan. Sehubungan itu, usaha telah dimulakan untuk mencapai tahap 50% bilangan pelajar peringkat sarjana dan kedoktoran pada 2010.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya juga ingin memaklumkan banyak kejayaan telah ditempa UTM sepanjang enam bulan lalu, selepas Konvokesyen Ke-41. Seperti tahun-tahun lalu, UTM mencapai pelbagai kejayaan dalam bidang penyelidikan, pengajaran dan aktiviti ko-kurikulum di kalangan staf dan pelajar. Staf UTM misalnya berjaya membangunkan *MyLine*, iaitu perisian pembelajaran bahasa Inggeris secara interaktif. Pada asalnya perisian tersebut hanya digunakan pelajar UTM sejak 2006. Alhamdulillah Kementerian Pengajian Tinggi telah bersetuju membiayai pembangunan program tersebut untuk digunakan di semua IPTA melibatkan 350,000 pelajar sejak September 2008. Di samping itu, rundingan akhir sedang dijalankan bagi membolehkan *MyLine* digunakan oleh beberapa buah universiti di Asia Barat, insyaAllah.

Selain itu, UTM telah memohon menjadi Universiti Penyelidikan. Bagi memacu perkembangan penyelidikan maka 11 *Research Alliance* telah ditubuhkan merangkumi sektor penting pembangunan global iaitu Sustainability, InfoCom, Cybernatics, K-Economy, Transportation, Materials and Manufacturing, Nanotech, Biotech, Water, Energy, Construction, dan Frontier Sciences. Kita berharap penubuhan Research Alliance ini – dan beberapa buah pusat penyelidikan baru seperti Iskandar Malaysia UTM Research Centre (IMREC), Advanced Membrane Technology Centre (AMTEC), Institute for Hydrogen Economy - akan mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UTM dan memberi impak besar terhadap pembangunan negara. Ini tidak bermakna UTM terkebelakang dalam bidang penyelidikan. Data dan statistik semasa menunjukkan UTM jauh lebih baik berbanding universiti tempatan. Sebagai contoh, UTM merupakan menjana harta intelek terbesar di Malaysia ketika ini. Jumlah harta intelek UTM berdaftar sehingga 25 Mac lalu ialah sebanyak 1244, jauh berbanding dengan agensi di tangga kedua iaitu kurang dari 600. UTM juga telah memulakan pelbagai inisiatif penyelidikan dengan profesor tersohor dari universiti ternama, misalnya Imperial College London dalam bidang kejuruteraan kimia, Cambridge dalam bidang biofuel dan Denmark Technical University dalam bidang environmental sustainability. Terkini, UTM telah dilantik menganggotai kumpulan penyelidik bersama Universiti Taibah, Arab Saudi bagi menyelesaikan masalah peningkatan air bawah tanah di sekitar Masjid Nabawi, Madinah.

Selain itu, pada sesi akademik 2008/9, UTM mencatat bilangan tertinggi pelajar yang mendaftar peringkat Sarjana dan PhD, mengatasi semua universiti tempatan lain sebagai petunjuk bahawa UTM sudah menjadi universiti berteraskan pengajian siswazah dan penyelidikan. Dari segi ko-kurikulum pula, pelajar UTM adalah jaguan pada setiap acara dari peringkat kebangsaan hingga antarabangsa dalam sukan berkuda, sukan air, pertandingan robot dan penyelidikan sains dan teknologi – maaf kerana jumlahnya terlalu banyak dan acaranya pelbagai - maka tidak sempat untuk saya sebutkan satu per satu pada majlis konvokesyen ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Transformasi juga menjadi teras kepada penjenamaan UTM untuk lebih dikenali, disinggahi, didampingi, dihormati dan disanjung dengan tumpuan kepada pembinaan citra, imej, perlambangan dan reputasi secara tersirat dan tersurat. Secara tersirat ia mencakupi pemantapan budaya ilmu, ekosistem intelektual, budaya kerja, semangat berpasukan dan idealisme ilmiah. Secara tersurat pula merangkumi imej korporat seperti logo dan *tagline*, penamaan, pakaian, kad nama, sepanduk dan sebagainya.

Sesungguhnya pelbagai kejayaan yang ditempa UTM selama ini adalah natijah semangat gigih, usahasama dan komitmen pelbagai pihak. Sehubungan itu, saya mewakili Universiti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pro-Canselor, Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli-ahli Senat yang sentiasa komited membantu Pengurusan Universiti. Ucapan penghargaan khas kepada Y.Bhg Tan Sri Prof Dr. Mohd. Zulkifli bin Tan Sri Mohd. Ghazali yang telah menamatkan tempuh perkhidmatan cemerlang sebagai Naib Canselor selama lebih 7 tahun pada September 2008. Saya juga merakamkan penghargaan tidak terhingga kepada setiap pihak yang turut membantu memartabatkan UTM di kalangan pemimpin Kerajaan Pusat khususnya YB Dato Seri Mohd Khaled Nordin, dan Kerajaan Negeri, ahli korporat dan kelompok profesional, alumni dan mantan staf, media massa dan rakan-taulan.

Tidak lupa kepada seluruh warga kampus, daripada Pengurusan Tertinggi, Pengurusan Fakulti dan Research Aliance, pusat dan unit sokongan, staf akademik dan sokongan, profesor dan pentadbir, pegawai penyelidik dan juruteknik, pembantu tadbir dan pemandu, pustakawan dan pegawai IT, pembantu makmal dan pegawai keselamatan, dan seluruh lapisan warga kampus - saya ucapkan terima kasih atas sokongan dan kerjasama menjulang UTM – sebagai wadah ilmu - mendepani pelbagai cabaran menuju kecemerlangan.

Sesungguhnya usaha ini terangkum dalam proses memartabatkan ilmu mengangkasa bangsa dan negara. Dalam untaian sejarah, kita sebenarnya mewarisi perjuangan ilmuwan silam seperti Raja Ali Haji, Munshi Abdullah dan Pendita Za'ba. Justeru saya akhiri ucapan ini dengan kata-kata Za'ba pada tahun 1919 katanya "saya ini satu daripada mereka yang belayar dalam bahtera yang baru (untuk

menempa kejayaan). Saya yakin bahawa yang saya naiki ialah sebaik-baik bahtera zaman ini". Sehubungan itu, saya menyeru semua warga dan graduan UTM memantapkan komitmen terhadap ilmu dan budaya ilmu kerana menurut Za'aba lagi:

la penerang jalan ke syurga
 la pemuas tekak yang dahaga
 ialah sungai ialah telaga
 Laut yang luas ialah juga

Ampun Tuanku,

Dengan segala hormat ta'zim dan tawadhuk, majlis sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas bimbingan dan kepimpinan bijaksana Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Canselor. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Yang Amat Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Pro-Canselor yang sentiasa membantu dan memberikan idea-idea konstruktif membantu pengurusan Universiti.

***Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
 Sembah patik mohon diampun.***

Dengan sepenuh hormat ta'zim dan tawadhuk, patik memohon limpah ampun Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Canselor di atas segala kekurangan dalam majlis ini.

Junjung kasih Tuanku Canselor.

وبالله التوفيقُ والهداية،
 والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته.